

TARIKH : 3/8/2022

SURAT KHABAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

JKKP Selangor siasat punca lelaki mati dilibas bilet besi

Shah Alam: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kematian seorang pekerja lelaki yang dilibas bilet besi.

Dalam kejadian Jumaat lalu, mangsa maut akibat kemalangan ketika mengangkat bilet besi itu menggunakan kren gerak atas (OTC).

JKKP Selangor dalam kenyataannya memaklumkan kemalangan membabitkan pekerja tempatan berusia 51 tahun di sebuah kilang pembuatan logam yang terletak di Jalan Waja Bukit Raja Industrial Estate, Klang sekitar jam 10 pagi.

Jabatan itu memaklumkan sepasukan pegawai penyiasat diarah menjalankan siasatan sejurus menerima maklumat berhubung kejadian itu.

"Daripada siasatan awal yang dijalankan, didapati



Bagaimanapun,
selepas meletakkan
bilet besi di bahagian
sekerap yang diangkat
dari tempat
pemunggahan,
operator OTC
menyedari mangsa
terbaring di kawasan
itu"

JKKP Selangor
bahawa mangsa sedang
menjalankan kerja-kerja
penyelenggaraan 'tundish'
yang terletak di laluan OTC
di bahagian sekerap.

"Bagaimanapun selepas
meletakkan bilet besi di
bahagian sekerap yang di-
angkat dari tempat pemunggahan,
operator OTC menyedari mangsa terba-
ring di kawasan itu," me-
nurut kenyataan itu.

Jabatan itu memaklum-

kan ketika ditemui, mangsa dalam keadaan cedera parah dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh petugas kesihatan.

Susulan itu, JKKP Selangor mengeluarkan Surat Arahan Larangan Kaucu Ganggu tempat kejadian kepada pihak majikan dan Notis Larangan Serta-Merta juga dikeluarkan bagi menghentikan kerja-kerja mengangkat menggunakan OTC, selain Notis Pembaikan untuk mengadakan prosedur kerja selamat bagi kerja-kerja penyenggaraan jentera.

"JKKP Selangor akan mengambil tindakan perundangan ke atas pihak yang bertanggungjawab sekiranya didapati berlaku pelanggaran di bawah peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994," menurut ke-nyataan itu.